



Headline: Lesap RM13,000 selepas dedah OTP
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 3 September 2020

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 29

Lesap RM13,000 selepas dedah OTP

KUANTAN: Akibat menyerahkan nombor pas pengesahan transaksi (OTP) kepada individu tidak dikenali, seorang pengurus syarikat di sini kerugian RM13,000 dalam kejadian kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Je-nayah Komersial negeri, Superintendant Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, kejadian berlaku selepas lelaki berusia 53 tahun itu dihubungi individu menyamar sebagai pegawai bank.

"Suspek menyatakan pihak bank membuat potongan dari-

pada pembelian menerusi platform e-dagang Shopee sebanyak RM2,386 dan boleh menghubungi 1-800-81-8857 jika tidak berbuat demikian.

"Mangsa menghubungi nombor tersebut dan bercakap dengan lelaki bernama Boon. Dia juga manafikan tidak membuat pembelian tersebut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd. Wazir berkata, Boon memaklumkan mangsa menerima panggilan 'scammer' dan meminta maklumat akaun bank

untuk mengaktifkan insurans Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Selepas itu, katanya, mangsa menyerahkan semua maklumat akaun bank termasuk nombor kad debit dan kredit kepada suspek.

"Dia turut menyerahkan nombor pengesahan kad (CVC) yang tertera di belakang kad kredit dan debit serta OTP ketika perbualan telefon itu berlangsung.

"Suspek memaklumkan ti-

dak dapat mengaktifkan insurans PIDM dan meminta lelaki itu membuat semakan dengan pihak bank sebelum menamatkan talian," ujarnya.

Beliau menambah, semakan dengan pihak bank mendapati wang milik mangsa lesap dan meminta lelaki itu membuat laporan polis.

Mangsa membuat laporan polis di Ibu pejabat Polis Daerah Kuantan dan kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 420 Kanan Keseksaan.



MOHD. WAZIR MOHD. YUSOF